

## **RINGKASAN EKSEKUTIF**

# **KAJIAN PEMAHAMAN, KESEDARAN DAN PENGAMALAN NILAI PATRIOTISME DALAM KALANGAN MASYARAKAT PELBAGAI ETNIK DI SABAH, MALAYSIA**

### **Barisan Penyelidik**

Profesor Madya Dr. Sarjit Singh Darshan Singh (Ketua Projek) – UPM

Profesor Madya Dr. Ahmad Tarmizi Talib – UPM

Dr. Abdul Hakim Mohad – UMS

Sdr. Mohd Rahimi Ramli – UPM

### **Pembentukan Geran Penyelidikan**

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN), Jabatan Perdana Menteri

#### **1.1 Pendahuluan**

Kajian ini bertujuan mengenal pasti pemahaman, kesedaran dan pengamalan nilai patriotisme dalam kalangan masyarakat pelbagai etnik di Sabah, Malaysia. Terdapat beberapa nilai patriotisme yang digunakan dalam kajian ini, iaitu kesetiaan, kebanggaan, kekitaan, berdisiplin, pengorbanan, serta berusaha dan produktif.

#### **1.2 Tujuan Kajian**

Secara khususnya, kajian ini bertujuan: (i) mengenal pasti pemahaman masyarakat di Sabah terhadap nilai patriotisme, (ii) mengenal pasti tahap kesedaran masyarakat di Sabah terhadap nilai patriotisme, (iii) mengenal pasti tahap pengamalan nilai patriotisme yang terdapat dalam kalangan masyarakat pelbagai etnik di Sabah.

### **1.3 Skop Kajian**

Kajian ini memberi tumpuan kepada empat kumpulan etnik di Sabah, iaitu Kadazan Dusun Murut, Bajau dan Suluk. Selain itu, lokasi kajian yang dikaji adalah terletak di beberapa daerah yang menjadi populasi majoriti etnik yang terpilih seperti Tawau, Semporna, Kota Kinabalu, Kota Belud, Tuaran dan Papar. Jumlah responden adalah seramai 500 responden bagi mewakili populasi kawasan-kawasan tersebut. Kajian ini hanya menggunakan data kuantitatif sahaja dan ia tertumpu kepada pemahaman, kesedaran, dan pengamalan nilai patriotisme.

### **1.4 Metodologi Kajian**

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah tinjauan (survei). Bagi kaedah ini, set soal selidik (instrumen) berkaitan pemahaman, kesedaran dan pengamalan masyarakat Sabah terhadap nilai patriotisme telah dibina sendiri. Antara sampel dan kaedah metodologi yang digunakan adalah seperti berikut:

1. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif dan borang soal selidik telah diedarkan di beberapa lokasi kajian yang terpilih, iaitu beberapa daerah di Sabah. Responden di setiap daerah adalah mengikut ratio etnik dalam populasi. Jumlah keseluruhan responden adalah seramai 500 orang sahaja.
  
2. Terdapat 4 bahagian dalam soal selidik yang digunakan bagi mendapatkan data, iaitu ciri-ciri demografi, pemahaman, kesedaran dan pengamalan masyarakat terhadap nilai patriotisme. Semua bahagian memfokuskan tahap daripada pembolehubah tersebut. Skor untuk setiap pembolehubah dikira dan jumlah skor tersebut telah menentukan tahap bagi setiap pembolehubah.

3. Sebanyak n=500 responden yang merupakan sampel kajian terdiri daripada peringkat umur, iaitu 15 sehingga 70 tahun.
4. Bagi mendapatkan sampel, teknik persampelan rawak mudah berstrata telah digunakan dimana ratio dibahagikan mengikut etnik yang dominan bagi setiap daerah yang terpilih. Namun, kriteria bagi jenis responden tidak ditentukan secara spesifik dan ianya terbuka kepada semua masyarakat yang menetap di Sabah.
5. Analisis deksriptif digunakan dengan memberi fokus kepada frekuensi (n) dan juga peratus (%) bagi setiap pembolehubah dan juga melihat kepada nilai skor bagi tiga pembolehubah yang utama.

### **1.5 Dapatan Kajian**

Beberapa dapatan kajian utama yang perlu diberikan perhatian oleh pelbagai pihak terutama kerajaan seperti berikut:

1. Hasil kajian membuktikan bahawa aspek tahap pemahaman, kesedaran dan pengamalan masyarakat di Sabah masih berada pada tahap yang memuaskan.
2. Tahap pemahaman adalah tinggi, iaitu 84.8%. Hal ini memperlihatkan masyarakat di Sabah memahami nilai-nilai patriotisme yang diperlukan dalam diri mereka sebagai warganegara yang patriot.
3. Majoriti responden memperlihatkan kesedaran tinggi, iaitu sebanyak 63.0%. Dengan kesedaran yang tinggi ini dapat dirumuskan bahawa isu-isu yang

berlaku di Sabah dan dilihat sebagai warganegara yang kurang patriot bukanlah ukuran sebenar tetapi isu-isu yang berlaku itu berkemungkinan lahir dari kesedaran yang kritikal dan patriotisme yang rasional.

4. Pengamalan nilai patriotisme masyarakat di Sabah adalah tinggi, iaitu 51%. Hal ini memperlihatkan pengamalan masyarakat lebih rendah dan tidak selari dengan dapatan pemahaman dan kesedaran yang lebih baik terhadap nilai patriotisme. Pemeriksaan terhadap pengamalan nilai perlu diberi perhatian.

## 1.6 Saranan

1. Antara cadangan yang patut diutarakan adalah semua pihak termasuk kerajaan, komuniti, badan-badan organisasi seperti Majlis Belia Negara (MBM), pihak sekolah dan individu itu sendiri perlu memainkan peranan masing-masing dalam memupuk nilai patriotisme dalam kalangan warganegara pelbagai peringkat. Walau bagaimanapun, bagi memupuk nilai tersebut, pelbagai program bersepada perlu dirangka bersama pakar-pakar dan ianya juga perlu menepati kehendak masyarakat di Sabah sebagai golongan sasar agar tidak menjadikan program tersebut sekadar retorik politik dan keuntungan pihak yang berkepentingan.
2. Pihak sekolah dan universiti awam (UA) perlu memastikan semua kelab-kelab atau persatuan-persatuan mempunyai pengisian patriotisme dalam aktiviti mereka sama ada secara langsung ataupun sebaliknya.
3. Program Latihan Khidmat Negara (PKLN) memerlukan pengisian berfokus dalam memupuk nilai patriotisme kepada generasi baru.

4. Penerangan berterusan kepada anggota masyarakat mengenai tanggungjawab seseorang warganegara sebagai seorang patriot.
5. Peranan ahli politik dalam penyertaan wacana patriotisme dan negara-bangsa amat penting agar mereka menjadi *role model* yang disegani dan dihormati oleh golongan belia.

Sekian, terima kasih.

Disediakan oleh:

**Profesor Madya Dr. Sarjit Singh Darshan Singh**

25 Julai 2016